

dilihat sukar dicapai kerana sebahagian besar masyarakat Melayu masih buta huruf, selain sikap Inggeris yang tidak bersungguh-sungguh memajukan bidang pendidikan. Justeru, karya-karya klasik Melayu dan terjemahan dalam siri *Malay Home Libraries* (selain buku-buku teks

KEMUNDURAN MASYARAKAT TEMPATAN (TERUTAMANYA MELAYU) ADALAH DISEBABKAN OLEH KEANGGARAN MEREKA KELUAR DARIPADA KEADAAN PRIVACY, IAITU SIKAP MEMENCILKAN DIRI DARIPADA PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN.

dalam siri *Malay School Libraries* inilah yang menjadi bahan-bahan bacaan awal kepada murid-murid tempatan untuk mengenali huruf dan membaca, dan pada masa yang sama mengenali bidang sastera. Dengan kata lain, buku-buku cereka pada masa itu belum menemukan bentuk dan sifatnya sebagai novel dan terper kanak-kanak. Malah, dapat dikatakan bahawa kandungannya tidaklah menggambarkan aspirasi masyarakat tempatan sepenuhnya, kerana penerbitan kedua-dua siri *Malay Homes Libraries* dan *Malay School Libraries* diusahakan oleh Inggeris.

PEJABAT KARANG-MENGARANG

Seterusnya, dapat dikatakan bahawa penghasilan buku-buku cereka aharu terbantu seketika pada zaman penjajahan Jepun di Tanah Melayu. Penghasilan karya sastera dengan inspirasi tempatan kemudian didapati mula bertunas menjelang kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957. Mengisi ruang yang bakal ditinggalkan oleh Inggeris, Pejabat Karang-Mengarang menganjurkan peraduan menulis cerita panjang (novel) pada tahun 1951, dan mengeluarkan penerbitan novel *Chinchin Rahsia*. Novel ini bercorak penyiasatan, yang antara

lain turut mengangkat konflik masyarakat marhaen yang tidak senang hati dengan penindasan oleh segelintir masyarakat elit yang tamak akan harta dan kuasa. Dapat dikatakan bahawa novel ini menjadi tempelakan kepada Inggeris, bahawa anak-anak tempatan berupaya

menyelesaikan masalah yang timbul dalam persekitaran tempatan tanpa memerlukan campur tangan luar. Demikian juga dengan novel

Hidup Berjuang (1954) oleh Mohamed Salehudin terbitan Pejabat Karang-Mengarang yang mengisahkan perjuangan anak tempatan (Rahmat) melawan ketumbukan tentera Jepun. Secara halus, novel ini menempelak sikap Inggeris yang lebih mengutamakan rakyatnya sendiri (orang Inggeris di Tanah Melayu), mengatasi keperluan menjaga masyarakat tempatan. Selain itu, novel ini mengkritik sikap masyarakat tempatan yang mengambil mudah keperluan mendapat pendidikan formal dan melepaskan peluang kemajuan ekonomi kepada pihak luar (yang berlaku sebelum Jepun melanggar Tanah Melayu).

Seiring dengan *Chinchin Rahsia* dan *Hidup Berjuang* ialah penerbitan novel *Bahagia Sesudah Derita* (1958) karya Muhammad Akhir Leman dan *Ahad* (1959) karya Zakaria Salleh, yang rata-rata menjurus kepada tema kemajuan pendidikan dan pembangunan. Umpamanya, novel *Bahagia Sesudah Derita* mengisahkan kegigihan seorang anak yatim bernama Harun yang tinggal di pedalaman, sehingga berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara dan menjadi seorang pegawai veterinar. Dengan menjadikan watak protagonisnya serba kekurangan, novel menjelaskan bahawa sikap mengejar kemajuan mampu

mengeluarkan masyarakat daripada belunggu kemiskinan. Manakala, novel *Ahad* mengisahkan kemajuan yang dicapai oleh tiga orang saudara kembar daripada sebuah keluarga miskin, bernama Amin, Hasan dan Dahlan, yang mengikuti tiga aliran pendidikan yang berbeza, iaitu sekolah Inggeris, sekolah Melayu dan sekolah agama. Cerita-cerita tentang dedikasi dan kesungguhan watak-watak ini (Amin menjadi pegawai polis, Hassan menjadi petani yang berjaya dan Dahlan menjadi pengetua sekolah agama) memberi gambaran bahawa ketiga-tiga aliran pendidikan ini tetap menawarkan peluang kejayaan, sekiranya masyarakat sedia berubah sikap dan berusaha bersungguh-sungguh ke arah kejayaan.

Mengamati tema-tema dalam karya-karya ini, jelas bahawa tumpuan penulis pada masa ini adalah untuk menanamkan sikap cinta akan negara dalam kalangan masyarakat. Matlamat ini dapat dicapai melalui kesungguhan penulis meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kemerdekaan, kemajuan sosial dan ekonomi, dan pendidikan. Penggembengan tema-tema ini dianggap sejajar dengan aspirasi masyarakat pada masa itu, yang berusaha melepaskan diri daripada penguasaan Inggeris. Justeru, tema-tema turut didapati berkait rapat dengan kehendak dan keperluan massa menjelang dan pada tahun-tahun awal kemerdekaan.

PENYATA RAZAK DAN PENYATA RAHMAN TALIB

Antara impak utama daripada kemerdekaan termasuklah pembaharuan dalam bidang pendidikan. Penting untuk dijelaskan bahawa sebelum merdeka, sekolah Melayu hanya menyediakan pendidikan rendah, manakala sekolah Inggeris menawarkan pendidikan menengah dan pendidikan tinggi. Dalam hal ini, laporan Penyata Razak dan Penyata Rahman Talib yang dibentangkan pada tahun 1956 dan 1957 antara lain menyediakan peluang pendidikan



Dalam konteks Malaysia, para sarjana rata-rata bersetuju bahawa *Chinchin Rahsia* menjadi pencetus kepada kemunculan cabang kesusasteraan remaja. Novel ini diumumkan sebagai pemenang peraduan menulis cerita panjang (novel) untuk kanak-kanak pada tahun 1951, dan diterbitkan pada tahun 1953. Meskipun demikian, perlu difahami bahawa keperluan terhadap bahan bacaan seperti ini berakar umbi daripada kehendak dan keperluan masyarakat pada dekad-dekad yang terdahulu lagi, dalam bentuk karya-karya klasik Melayu dan karya-karya moden Inggeris yang mudah dan ringkas. Buku-buku

cereka ini rata-rata diterbitkan oleh Pejabat Karang-Mengarang yang beroperasi di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim dengan fungsi yang dinamik, iaitu menerbitkan sebanyak-banyaknya bahan bacaan berbahasa Melayu, demi meningkatkan tahap pendidikan masyarakat tempatan. Seiring dengan tugas ini ialah desakan berterusan daripada golongan terpelajar Melayu, antaranya guru dan wartawan, yang melihat bahawa pendidikan seharusnya menjadi wahana yang paling ampuh untuk mendukung perjuangan menuntut kemerdekaan dan seterusnya mengisi pembangunan dengan rancangan-rancangan kemajuan. Desakan ini kebanyakannya dimuatkan dalam majalah-majalah penting sebelum merdeka, seperti *Mujallah Guru*, *Jasa* dan *Tetuan Muda*. Walau bagaimanapun, kedua-dua matlamat ini

* Language - Dewan Bahasa & Pustaka
 * pg : 9-15

Control No: 0000292968

...sulan Tragedi 13 Mei 1969.
...an Malaysia menggubal Rukun
... dan Dasar Ekonomi Baru,
...uan memupuk perpaduan dan
...ilan ekonomi dalam kalangan
...rakat berbilang kaum di Malaysia
...Zain, 2010: 1 - 19; Mohd. Nor Azam,
...2 - 25). Menokok tema-tema ini
...tema penyiataan dan kekeluargaan
...din Siwar, 1976: 11; 1978: 54).
...sastera yang mengangkat tema
...argaan mengisahkan suka-duka
...uh-bangun kanak-kanak dalam
...gan keluarganya, manakala novel
...satan pula mengisahkan kejadian
...encemaskan dan menyeronokkan,
...penyeludupan, penculikan,
...jaran dadah, mencetak wang palsu
...n-lain, melibatkan watak kanak-
...Pada masa yang sama, aspek
...kan dan pembangunan masyarakat
...njadi keutamaan pada dua dekad
...rdahulu tidak diketepikan. Aspek-
...aripada perubahan massa inilah
...anggap mencorakkan penulisan
...sastera kanak-kanak pada dekad ini.
...cenderungan terhadap aspek
...uan kaum pada masa ini kerap
...kan oleh penulis melalui
...arya penyiataan (Muhammad
...000: 94 - 95). Hal ini dilakukan
...menyenaraikan watak remaja
...ng kaum yang bekerjasama antara
...esaikan kes-kes jenayah. Antara
...yang menggunakan kaedah ini
...klah Matlob menerusi Badri,
...ili, Takdir, Ah Seng dan Marina
...n BOLTAM) dalam novel *Anjing
...hsia Hospital Buta*, *Rahsia
...Jerung Hitam dan Mencari
...hsia*; Arman Sani menerusi
...n, Kamsiah dan Jalal dalam
...dari Laut dan *Menuba Ikan
...Tebrau*, dan Othman Puteh
...i Lim See Yong, Janet Lim,
...a dan Hilmi dalam *Rahsia Hutan
...ngkalan Meriam Patah dan Vila
...darimau*. Novel *Anjing Polis*
...ya, mengisahkan usaha ahli
...n BOLTAM menyiast kes-kes

jenayah yang berleluasa di bandar tempat tinggal mereka, dan telah menular dan mempengaruhi murid-murid sekolah. Seterusnya, watak-watak pelbagai kaum juga didapati hadir dalam karya-karya bercorak kekeluargaan. Watak-watak ini, antaranya ditemukan dalam novel *Anak Warisan Zaman* (1979) karya Hamdan Raja Abdullah menerusi Ramli, Lim Tye Song dan Prabhawati, dan *Ayah Kurindu Ibu Kusayang* (1977) karya Nazel Hashim Mohamad menerusi Yummi, Dr. Yakin Chong dan Dr. Sedhu Faizul.

Seperti yang telah dijelaskan juga, tema pendidikan dan pembangunan masyarakat masih menjadi keutamaan penulis. Dalam *Anak Warisan Zaman*, novel didapati menghadirkan cerita tentang watak Ramli yang menjadi mangsa perceraian Tuan Buyung dan Ibu (tidak dinamakan). Ekoran masalah keluarga ini, watak Ramli mengikut ibunya pulang ke kampung sebelum dipujuk oleh Cikgu Ghazali untuk belajar di sekolah asalnya semula. Antara sebab utama yang mendorong Ramli mengambil keputusan yang sedemikian adalah disebabkan dia percaya bahawa kejayaan dalam pelajaran sahajalah yang mampu mengeluarkan ibu dan adiknya daripada belenggu kemiskinan. Novel *Ayah Kurindu Ibu Kusayang* juga mengitari situasi yang sama, iaitu apabila watak Yummi diceritakan membesar dengan kenangan-kenangan yang ditinggalkan oleh Iyan (iaitu ayahnya) setelah bercerai dengan Emi (iaitu ibunya). Meskipun dibesarkan dalam keluarga yang berada, namun Yummi ditanamkan dengan sikap dan semangat untuk berjaya dalam pelajaran oleh ayahnya, dan selain tujuan mengejar cita-cita di menara gading, keberangkatan berasingan, penulisan karya sastera remaja menyerlahkan lebih banyak tema dan bentuk. Selain tema pendidikan dan pembangunan masyarakat yang berakar umbi sejak dari tahun-tahun kemerdekaan lagi, tema-tema baharu seperti kerohanian dan percintaan mula dipelopori. Karya-

karya dengan tema kerohanian berupaya

istilah "sastera remaja" dalam sayembara penulisan. Menurut Abdul Ahmad (2001: 30), istilah ini mula digunakan melalui penganjuran Hadiah Sastera Remaja ESSO - GAPENA I pada tahun 1979, yang menyaksikan kumpulan cerpen *Sayang Si Tina* karya Ali Majod memenangi hadiah pertama. Menurutnya lagi, peraduan ini menjadi langkah penting yang memisahkan cabang kesusasteraan kanak-kanak dengan cabang kesusasteraan remaja. Selain itu, suatu hal penting yang turut berlaku pada Januari 1979 ialah penerbitan majalah *Dewan Siswa* oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, yang dikatakan menjadi wadah kepada murid-murid sekolah menengah, manakala majalah *Dewan Pelajar* yang mula menjadi wadah kepada murid-murid sekolah rendah. Hal ini didapati sejajar dengan penegasan Hasan Ahmad (1979:3), (mantan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka), bahawa *Dewan Siswa* diterbitkan untuk mengisi jurang besar antara murid sekolah rendah dengan murid sekolah menengah yang tidak dapat ditampung oleh *Dewan Pelajar*. Sekali gus, melalui pernyataan ini dapat dirumuskan bahawa bahan-bahan sastera yang terkandung dalam *Dewan Siswa* hendaklah menampung keperluan murid-murid sekolah menengah, yang terdiri daripada kalangan remaja belasan tahun, yang sebelum itu disiarkan secara konsisten dalam majalah *Dewan Pelajar*.

NILAI ISLAM

Seterusnya, melangkah ke dekad 1980-an, dan setelah jelas bahawa kesusasteraan kanak-kanak dan kesusasteraan remaja mula dikenal pasti sebagai dua cabang sastera yang berasingan, penulisan karya sastera remaja menyerlahkan lebih banyak tema dan bentuk. Selain tema pendidikan dan pembangunan masyarakat yang berakar umbi sejak dari tahun-tahun kemerdekaan lagi, tema-tema baharu seperti kerohanian dan percintaan mula dipelopori. Karya-

menengah dan pendidikan tinggi kepada murid-murid sekolah Melayu. Pada masa yang sama, pembaharuan pendidikan ini turut menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di sekolah-sekolah. Untuk suatu jangka masa panjang, langkah-langkah ini menyasarkan peningkatan golongan profesional dalam kalangan anak tempatan dan mengisi jawatan-jawatan penting dalam perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan. Di luar bidang pendidikan, kerajaan menggerakkan program Revolusi Mental untuk menyedarkan masyarakat agar terlibat dalam program-program pembangunan. Menurut Mahathir Mohamad (1968: 18 - 19), kemunduran masyarakat tempatan (terutamanya Melayu) adalah disebabkan oleh keengganan mereka keluar daripada keadaan *privacy*, iaitu sikap memencilkan diri daripada program-program pembangunan. Tun Abdul Razak (1963: 13) menjelaskan bahawa kemiskinan ini berpunca daripada sikap masyarakat (Melayu) sendiri yang tidak sanggup berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan diri.

Karya-karya sastera yang dikemukakan untuk khalayak remaja pada tahun-tahun 1960-an didapati berkait rapat dengan perkembangan ini. Antaranya, termasuklah novel *Jasmin* (1963) karya Darussalam dan *Aziman Anak Yatim* (1965) karya Mohd. Aris Bahnan. Novel *Jasmin* mengisahkan kesungguhan Jasmin berniaga secara kecil-kecilan bagi menampung perbelanjaannya untuk ke sekolah menengah. Di sebelah kesungguhan Jasmin, novel turut menghadirkan Pak Mail, iaitu ayah Jasmin, yang mempunyai sikap malas, degil dan kuat berjudi, dan mencetuskan konflik dalam keluarganya apabila menghalang Jasmin belajar di sekolah menengah. Sikap yang sama diperagakan dalam novel *Aziman Anak Yatim*, apabila Aziman diceritakan bersedia melakukan apa-apa pekerjaan dan bekerja dengan siapa-siapa sahaja, asalkan diberi peluang belajar di sekolah Inggeris bagi melayakkannya

mengikuti pengajian dalam bidang perubatan. Dalam hal, perlu dijelaskan bahawa ilmu perubatan pada peringkat pengajian tinggi pada tahun-tahun 1960-an masih diajarkan dalam bahasa Inggeris, justeru dengan mengikuti pendidikan rendah dan pendidikan menengah di sekolah Inggeris sahajalah maka Aziman berpeluang untuk mencapai cita-citanya.

Selain karya-karya yang mengungkapkan tema kegigihan dalam pendidikan, terdapat juga karya-karya yang mengungkapkan sisi negatif masyarakat tempatan. Hal ini antaranya, dihadirkan dalam novel *Renongan Masa Muda* (1965) oleh Tajul Ariffin Darus. Novel ini mengisahkan Manja yang pulang ke pangkuan keluarganya di Kelang selepas perang Jepun, mendapati bahawa segelintir ahli keluarganya memaparkan sikap yang negatif dan lebih terdedah kepada cara kehidupan Barat yang merimaskan. Antaranya, Amin (iaitu ayah Manja) seorang pegawai kerajaan yang hidup bermewah-mewahan dan gemar berhubung dengan banyak pihak, dan Amnah (iaitu kakak Manja) yang sombong dan selalu menghina orang miskin. Kehidupan keluarga ini terus porak-berantakan apabila Amin berkahwin dengan Norleha, iaitu seorang wanita yang boros dan suka menunjuk-nunjuk, sehingga menyebabkan Amnah dan Johari (iaitu abang Manja) meninggalkan rumah. Penting dijelaskan bahawa pada masa ini, keluarga Manja dianggap sebagai sebuah keluarga yang berada kerana masyarakat Melayu rata-rata tidak mempunyai tempat tinggal yang selesa dan pengangguran juga berleluasa. Sebaliknya, keluarga Manja tinggal di sebuah kuarters kerajaan, memiliki banyak peralatan elektrik (iaitu barangan mewah pada masa itu) dan ayah Manja mampu menghantar anak-anaknya ke sekolah Inggeris (yang menuntut perbelanjaan yang mahal). Walau bagaimanapun, sikap ahli-ahli keluarga Manja yang sedemikian menyebabkan keluarga itu menanggung hutang yang besar sehingga watak Manja

berpindah setelah mendapat pekerjaan sebagai seorang budak pejabat. Dalam hal ini, jelas bahawa *Jasmin* dan *Renongan Masa Muda* menyerlahkan kepincangan masyarakat tempatan (terutamanya Melayu) pada masa itu, berikutan kesedaran tentang kepentingan pendidikan masih lagi rendah. Tegasnya, kegagalan menerjemahkan hasrat dan aspirasi negara membolehkan ahli-ahli masyarakat menanggung kesusahan hidup pada ketika segelintir ahli masyarakat yang memiliki kesedaran berupaya melangkah lebih jauh ke hadapan. Kesannya ini banyak ditimbulkan sebagai nilai yang dapat diteladani dalam karya-karya berkenaan.

Dari suatu sudut pula, dekad 1960-an tidak berlalu tanpa suatu penekanan yang khusus tentang bentuk karya sastera yang perlu dihidangkan kepada khalayak kanak-kanak. Antara peristiwa penting yang berlaku pada dekad ini termasuklah penganjuran Seminar Kebangsaan Sastera Kanak-2 Malaysia oleh DBP dan UNESCO pada 5 - 12 Disember 1966 di Kuala Lumpur. Seminar ini menemukan para penulis, penerbit dan penggiat sastera untuk merumuskan hala tuju kesusasteraan kanak-kanak di Malaysia. Hassan Ahmad (1966: 4) menegaskan bahawa terdapat keperluan pada masa itu untuk melahirkan lebih banyak karya sastera kanak-kanak yang memaparkan nilai tempatan. Hasil penting daripada seminar ini ialah penerbitan majalah *Dewan Pelajar*, yang antara lain memperuntukkan sejumlah halaman bagi ruangan sastera kanak-kanak. Ruangan ini juga melahirkan sejumlah penulis yang berbakat dan seterusnya prolifrik menghasilkan karya sastera kanak-kanak seperti Othman Puteh, Rubaidin Siwar, Nazel Hashim Mohamad dan Abdul Ahmad.

RUKUN NEGARA DAN DASAR EKONOMI BARU

Dekad 1970-an memperlihatkan perpaduan dan pembangunan masyarakat sebagai dua aspek yang diberi perhatian

isu-isu kekeluargaan dan pendidikan, novel turut menyentuh tentang penglibatan kaum bumiputera dalam bidang korporat. Hal ini secara tidak langsung berkait rapat dengan kejayaan Dasar Ekonomi Baru yang digembengkan oleh kerajaan, dan pada masa yang sama menyerlahkan kemajuan dalam bidang ekonomi yang dinikmati oleh masyarakat dan negara.

Suatu tanggapan umum yang sukar juga disangkal ialah penulisan karya sastera remaja perlulah berorientasikan remaja, kehidupan dan persekitarannya. Penulisan karya-karya sastera pada dekad-dekad mutakhir menyaksikan bahawa peranan remaja dalam karya mula digembeng pada tahap keupayaan dan kebolehan remaja, sekali gus mencabar keberdayaannya menonjolkan diri masing-masing dalam dunia yang rata-rata dikuasai oleh golongan dewasa. Demikian novel-novel seperti *Semesra Kota Ku* (1993) karya Zailiani Taslim, *Lautan Tak Selamanya Bergelombang* (1993) karya Rejab F.I., *Trilogi Cinta* (2002) karya Siti Jasmina Ibrahim dan *Justeru Impian di Jaring* (2007) karya Zaid Akhtar yang antara lain memperlihatkan keterampilan golongan remaja menyahut cabaran yang mengisi Wawasan 2020. Dalam hal ini, Izzat dalam *Semesra Kota Ku* dan Khalid dalam *Lautan Tak Selamanya Bergelombang* ditonjolkan sebagai tokoh usahawan, manakala Cempaka dalam *Trilogi Cinta* dan watak Syahir dalam *Justeru Impian di Jaring* diserlahkan sebagai tokoh kebudayaan dan tokoh sukan. Karya-karya sastera remaja juga memperkatakan kemajuan sains dan teknologi (yang menjadi salah satu agenda utama pendidikan negara), apabila novel *Wira Persona Avatari* (2000) karya Ahmad Zaki Abu Bakar mengungkapkannya keterampilan sekumpulan remaja yang dianggotai oleh Anas, Aina, Adeen, Pauline, Zuriati dan Anjali mengungguli pertandingan avatari (berkonsepkan

permainan maya) dan novel *Impuls/Roh* karya Sri Rahayu Mohd. Yusop melakarkan ketangkasan Ahmad Fahim mengepal sekumpulan komander Malaysia menyelamatkan seorang saintis yang diculik di Amerika Syarikat. Dalam usaha mengangkat nilai Islam, novel *Insyirah* (2009) karya Azman Ahmad menghadirkan kecekalan *Insyirah* membantu ayahnya berdakwah, seiring dengan kebangkitan gagasan Islam Hadhari. Selain itu, karya-karya sastera remaja turut menyelongkar masalah moral dan sosial remaja seperti yang digarap oleh Ruslan Ngah dalam *Merenang Gelora* (2002). Tegasnya, sejak menemukan jalurnya sendiri sekitar awal tahun-tahun 1980-an, penulis-penulis karya sastera remaja secara berterusan membela tema dan persoalan bagi mengisi ruang kesusasteraan remaja.

Penelitian terhadap novel-novel yang diterbitkan sekitar tahun-tahun 1980-an, 1990-an, 2000-an dan mutakhir ini secara umumnya menjelaskan bahawa karya-karya sastera remaja pada masa ini mencetuskan kepelbagaian tema. Karya-karya sastera ini melihat golongan remaja sebagai suatu entiti sosial yang mempunyai tempat dalam masyarakat. Karya-karya seperti yang telah dibincangkan didapati berusaha memperagakan perkembangan sosial, ekonomi dan politik negara secara telus dan berhemah, bertujuan menggambarkan kehadiran remaja sebagai golongan yang progresif dan dinamik. Kemajuan ini secara tidak langsung menawarkan perbincangan yang lebih komprehensif tentang kehadiran kesusasteraan remaja sebagai satu cabang sastera yang



penting di Malaysia. Antara persoalan lazim yang dibangkitkan termasuklah falsafah sastera remaja, ciri dan konsep sastera remaja, batas usia remaja, arus sastera remaja (serius, popular dan picisan), dan tidak kurang pentingnya ialah "garis kelabu" antara kesusasteraan kanak-kanak dengan kesusasteraan remaja dan antara kesusasteraan remaja dan kesusasteraan dewasa. Justeru, Dewan Bahasa dan Pustaka mewacanakan "kesusasteraan remaja" dalam Seminar Perkembangan Novel Remaja di Malaysia pada 12 - 13 November 1997. Hal ini sekali gus menjelaskan bahawa pada ketika suatu pihak meragukan keperluan kehadiran "kesusasteraan remaja", manakala suatu pihak yang memperakukannya dalam arus perdana kesusasteraan Melayu.

Dalam hal ini, beberapa perkembangan menjelaskan bahawa kesusasteraan remaja "bertempat" di hati khalayak dan penggiat sastera tanah air. Antara kemajuan baharu yang dicapai termasuklah penyenaian kategori novel remaja dalam Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (Hadiah Sastera Utusan Melayu - Public Bank) sejak tahun 1988 dan Hadiah Sastera Perdana Malaysia (Hadiah Sastera Malaysia) sejak tahun penilaian 1996/1997. Mulai tahun 2000, apabila Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenalkan komponen sastera (Komsas) dalam pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah-

menerobos kesusasteraan remaja berikutan polemik yang timbul dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia sejak dua dekad sebelumnya, yang mula menyedari bahawa cara hidup Barat adalah menyimpang daripada nilai Islam dan dengan itu, gerakan ke arahnya (iaitu ajaran Islam) dijalankan melalui badan-badan bukan kerajaan seperti Angkatan Belia Islam Malaysia, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia. Manakala, karya-karya bercorak percintaan mula mendapat tempat dalam kalangan khalayak apabila segelintir penerbit mendapati bahawa karya-karya seperti ini berupaya menghasilkan pulangan yang lebih lumayan.

Karya sastera bercorak kerohanian meletakkan watak-watak remaja, rata-ratanya watak belasan tahun yang sedang mencari identiti dan ingin meraih kebebasan (autonomi) daripada ibu bapa, lazimnya dihadirkan sebagai protagonis yang mula memahami tuntutan Islam. Novel *Terima Kasih Nudra Syafini* (1985) karya Abdul Ahmad umpamanya, menghadirkan watak Badrul Hisyam yang membesar dengan segala kemewahan material, tetapi sebenarnya miskin dengan pengetahuan agama Islam. Badrul Hisyam seterusnya diceritakan berubah sikap sejak mengenali dan meminati kawan sekelasnya di sekolah baharu, iaitu Nudra Syafini, yang berperilaku yang baik dan terpuji, kerana dia didik dan dibesarkan dengan kehidupan seorang Muslimah. Terkesan dengan sikap-sikap yang sedemikianlah, Badrul Hisyam diceritakan menegur sikap ayah dan ibunya sendiri yang tidak menunaikan solat dan gemar menunjuk-nunjuk akan kenikmatan (dengan menyimpan patung yang dibeli dari luar negara di dalam rumah). Keberanian dan ketegasan inilah yang akhirnya mendorong ayah dan ibu Badrul Hisyam mengesan kealpaan mereka, sehingga akhirnya insaf dan bertekad untuk mula menjalani kehidupan sebagai Muslimin dan Muslimah.

Karya-karya sastera dengan tema percintaan pula lazimnya menyerlahkan konflik cinta golongan remaja, seperti cinta tiga segi, cinta terhalang dan cinta antara dua darjat. Dalam *Sindora* (1990) karya Samsiah Mohd. Nor umpamanya, Sindora hadir sebagai seorang pelajar Universiti Sains Malaysia yang terperangkap dalam konflik cinta tiga segi. Dilahirkan dalam sebuah keluarga yang miskin, Sindora diceritakan menaruh hati akan Abbot, tetapi kemudian menerima lamaran Duke setelah Abbot menunjukkan sikap dingin terhadapnya. Walau bagaimanapun, pertunangan Sindora dengan Duke juga menghadapi konflik kerana perbezaan darjat antara kedua-duanya, manakala Abbot diceritakan sedar akan kesilapannya (kerana tidak mempedulikan Sindora) dan berusaha merampasnya daripada Duke. Berikutan konflik demi konflik inilah, Sindora diceritakan bertekad melepaskan perasaan cintanya terhadap Abbot dan Duke dan memulakan kehidupan baharu. Dapat dikatakan dengan 'formula' sebegini, karya-karya sastera dengan tema percintaan digarap bertujuan menarik perhatian khalayak.

Seperti yang dijelaskan juga, bahawa di sebalik beberapa perkembangan baharu pada tahun-tahun 1980-an, karya sastera remaja (tanpa perlu dikaitkan dengan istilah 'kanak-kanak' lagi) masih memperagakan tema-tema yang lumrah, seperti pendidikan dan pembangunan masyarakat. Dalam hal ini, dapatlah dikatakan bahawa hal yang membezakan tema-tema ini pada dekad ini dengan tema-tema yang sama pada dekad-dekad yang sebelumnya ialah pengisiannya. Dalam *Songket Berbenang Emas* (1991) karya Khairuddin Ayip umpamanya, novel menyerlahkan Dahlia sebagai seorang pelajar tingkatan enam yang cekal yang berjaya muncul sebagai pelajar terbaik Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, di sebalik konflik kekeluargaan yang dihadapinya. Novel menceritakan bahawa ketika sedang mempersiapkan

diri untuk menghadapi peperiksaan itu, Dahlia terpaksa bergelut dengan masalah ibunya diserang penyakit gila meroyan, ayahnya terlantar di hospital setelah dipatuk ular tedung dan neneknya pula berusaha menghalau seisi keluarganya (yang sangat dibenci kerana ibu Dahlia berkahwin dengan lelaki yang bukan pilihan neneknya) keluar dari kampung itu (dengan cara menjual sebidang tanah yang diduduki oleh keluarga Dahlia). Walau bagaimanapun, Dahlia kekal menghadapi dan mengatasi masalah-masalah itu, malah mampu mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan STPM. Novel menceritakan lagi bahawa kejayaan itu seterusnya melorongkan peluang kepada Dahlia untuk melanjutkan pelajaran ke Jepun. Pada tahap ini, cerita-cerita tentang kejayaan Dahlia turut menyerlahkan arah tuju pentadbiran Kerajaan Malaysia pada masa itu, yang mula menggerakkan Dasar Pandang ke Timur. Selain itu, novel *Renda Sutera* (1990) karya Norhisham Mustaffa turut menyerlahkan konflik kekeluargaan dan pendidikan. Novel ini menghadirkan watak Farhan membawa diri ke kampung ibu susunya susulan kematian mengejut ayah dan ibunya dalam suatu kecelakaan udara dan konflik dalam kalangan adik-beradiknya. Kehadiran Farhan di Kampung Bukit Durian menimbulkan pelbagai persoalan dalam kalangan masyarakat setempat kerana dia tidak pernah menyatakan apa-apa kepada siapa-siapa jua pun. Walau bagaimanapun, perkara sebenar itu kemudian terdedah apabila Farhan terpaksa meminta bantuan kewangan daripada peguam keluarganya, gara-gara masalah yang dihadapinya dengan Haji Marman (susulan kehadiran Farhan dianggap telah memikat hati seorang wanita pilihannya. Dengan itu, penduduk kampung akhirnya tahu bahawa Farhan sebenarnya sedang belajar di luar negara dan berasal daripada keluarga usahawan yang berjaya. Hal yang jelas daripada cerita-cerita ini ialah selain mengangkat

sekolah menengah, beberapa buah karya sastera remaja seperti novel *Seteguh Karang*, *Terminal Tiga* dan *Konserto Terakhir* disenaraikan sebagai teks-teks rujukan. Pada masa yang sama, karya-karya sastera remaja dijadikan subjek kajian di institusi-institusi pengajian tinggi yang menawarkan program kesusasteraan Melayu, seperti Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Perbincangan tentang tema dan persoalan yang digarap dalam karya-karya sastera remaja sejak *Chinchin Rahsia* sehingga mutakhir tidak dapat dipertihatkan keakrabannya dengan perubahan masa. Karya-karya sastera ini rata-rata menampilkan watak-watak remaja, atau setidak-tidaknya menyampaikan buah fikiran masa pada tahap bacaan remaja, menyerahkan keterlibatan golongan remaja dalam agenda-agenda sosial dan ekonomi serta aspirasi negara. Sudah sampai masanya dengan pelbagai kemajuan dan pengiktirafan yang diperoleh, cabang sastera ini dilihat secara komprehensif sebagai suatu wahana yang dapat menyumbang kepada pembangunan golongan remaja dan masyarakat, agama, bangsa dan negara. Sehubungan dengan itu, perbincangan mencadangkan beberapa langkah baharu, yang dianggap berpotensi untuk melonjakkan lagi perkembangan kesusasteraan remaja di Malaysia.

Langkah pertama yang dianggap perlu bagi memajukan kesusasteraan remaja di Malaysia adalah dengan memperkenalkan kursus Kesusasteraan Remaja sebagai salah satu kursus di institusi-institusi pengajian tinggi yang menawarkan program kesusasteraan Melayu. Langkah ini dianggap dinamik kerana sesuai dengan potensi untuk mencapah lebih jauh, kursus kesusasteraan remaja menawarkan kajian yang lebih mendalam terhadap perkembangan-perkembangan yang

berlaku di dalam dan di luar negara. Dalam hal ini, universiti-universiti luar negara seperti Iowa State University dan Harvard University di Amerika Syarikat dan University of Notre Dame di Australia telah pun menawarkan kursus kesusasteraan remaja secara berasingan dan terpisah daripada kursus kesusasteraan kanak-kanak. Langkah kedua dan seiring dengan keperluannya sebagai suatu wacana akademik, adalah dicadangkan Dewan Bahasa dan Pustaka dan institusi-institusi pengajian tinggi menawarkan program kesusasteraan remaja mengusahakan penerbitan sebuah jurnal kesusasteraan remaja. Jurnal seperti ini akan memuatkan isu-isu mutakhir yang bertelag di sekitar perkembangan kesusasteraan remaja, dan menjadi wahana bagi perbincangan yang lebih menyeluruh dan komprehensif daripada kalangan sarjana. Contohnya, suatu jurnal kesusasteraan remaja yang dominan ialah *ALAN Review (Adolescent Literature Annual Newsletter)*. Jurnal ini didapati menarik perhatian banyak sarjana di institusi-institusi pengajian tinggi di Amerika Syarikat untuk berganding bahu membincangkan isu-isu seputar dan perubahan masa yang mempengaruhi penghasilan karya-karya sastera remaja. Langkah ketiga yang dianggap proaktif ialah melantik Munsyi Sastera Remaja dalam kalangan penulis dan penggiat sastera yang mempunyai minat, pengetahuan dan aspirasi terhadap pembangunan kesusasteraan remaja di Malaysia.

Dalam hal ini, Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai induk yang menjadi tempat para penulis dan penggiat sastera tanah air mempunyai tugas dan peranan yang cukup besar untuk mengenal pasti individu yang sedemikian. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan kerjasama kedua-dua belah pihak sahaja maka karya sastera yang benar-benar serius dan meninggalkan kesan jangka panjang terhadap khalayak dapat dihasilkan. Akhir sekali, dalam usaha

untuk meletakkan kesusasteraan remaja pada tempat yang sewajarnya dalam arus perdana kesusasteraan Melayu, maka wajarlah diwujudkan suatu anugerah untuk menghargai jasa dan sumbangan tokoh-tokoh yang berjasa terhadap pembangunan kesusasteraan remaja sejak mula sehingga mutakhir. Tokoh-tokoh ini, seperti Hassan Ahmad, Othman Puteh, Abdul Ahmad dan Mohd. Ali Majid, secara berterusan bertanggungjawab menggariskan falsafah, konsep dan ciri kesusasteraan remaja yang sebenar, agar khalayak dapat membezakan karya-karya sastera remaja yang baik daripada karya-karya sastera remaja berbentuk picians dan menjadi bahan bacaan masa santai semata-mata. Sesungguhnya, jasa dan pengorbanan mereka menjadikan pada masa lalu kesusasteraan remaja pada hari ini sebagai wadah untuk membangunkan agama, bangsa dan negara. ■

RUJUKAN

- Abdul Razak. "Revolusi Mental" dlm. *Dewan Masyarakata*, hlm. 13 – 15 & 19, April 1963.
Baha Zain, 2010. "Kesusasteraan Melayu Moden 1970 – 1979: Satu Ziarah dan Renungan" dalam *Kesusasteraan Melayu Moden 1970 – 1979*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Hassan Ahmad, 1966. "Baharu2 Tempatn Untok Penciptaan Sastera Kanak2 (Di Malaysia)". Kertas kerja dalam Seminar Kebangsaan Sastera Kanak2 Malaysia. Dewan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, 5 – 12 September 1966.
Hassan Ahmad. "Mengisi Suatu Kekosongan" dlm. *Dewan Siswa*, hlm. 3, Januari 1979.
Mahathir Mohamad. "Revolusi Mental dalam kalangan Masyarakat Melayu" dlm. *Dewan Masyarakata* hlm. 18 – 19, Mac 1968.
Mohd. Nor Azam. "UMNO dalam Kontek Malaysia Baharu: Perubatan Kekuasaan dalam Parti Kian Menonjol" dlm. *Dewan Masyarakata*, hlm. 22 – 25, Julai 1972.
Muhammad Hafiz. "Matlob: Novelis Kanak-kanak Tersohor Pascamerdeka" dlm. *Dewan Sastera*, hlm. 5, September 2000.
Rubaidin Siwar. "Wawancara dengan Penulis/ Pengarang Sastra Kanak-kanak, Wawancara Suhaimi Haji Muhammad dengan Pengarang-pengarang Sastera Kanak-kanak" dlm. *Dewan Sastera*, hlm. 11 – 15, Julai 1976.
Rubaidin Siwar. "Usaha Mencungkil Bakat Penulis Melalui Peraduan Mengarang Novel Kanak-kanak" dlm. *Dewan Sastera*, hlm. 53 – 55, Jun 1976.